



**PENGARUH FAKTOR KOS, EKONOMI DAN  
SOSIAL TERHADAP KEBARANGKALIAN  
MENGULANGI LAWATAN DALAM  
KALANGAN PELANCONG  
DOMESTIK KE PANTAI  
TELUK NIPAH,  
PULAUPANGKOR**



**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**





PENGARUH FAKTOR KOS, EKONOMI DAN SOSIAL TERHADAP  
KEBARANGKALIAN MENGULANGI LAWATAN  
DALAM KALANGAN PELANCONG DOMESTIK  
KE PANTAI TELUK NIPAH,  
PULAU PANGKOR



FARAH ZULAIKHA BINTI MOKHTAR

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021



UPSI/IPS-3/BO 32  
Revisi: 00 m/s: 1/1

Sila tanda (v)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|  |
|--|
|  |
|  |
|  |
|  |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) 02 (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar:

Saya, FARAH ZULAIKHA BT. MOHTAR CM20162001699 CFSK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH FAKTOR KOS, EKONOMI DAN SOSIAL TERHADAP KEBARANGKALIAN MENGULANGI LAWATAN DALAM KALANGAN PELANCONG DOMESTIK KE PANTAI TELUK NIPAH, PULAU PANGKOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, KAMARUL BIN ISMAIL (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH FAKTOR KOS, EKONOMI DAN SOSIAL TERHADAP KEBARANGKALIAN MENGULANGI LAWATAN DALAM KALANGAN PELANCONG DOMESTIK KE PANTAI TELUK NIPAH (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

29 DISEMBER 2021

Tarikh

Tandatangan

Dr. Kamarul Bin Ismail  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Geografi & Alam Sekitar  
Fakulti Sains Kemajuan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
34100 Tanjung Malim, Perak.

UPSI/IPS-380.31  
Printed on 01/06/17
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBAHARUAN FAKTOR SOSIAL, EKONOMI DAN SOSIAL TERKAIT  
KEBERATAN MELAKUKAN MELAKUKAN MELAKUKAN MELAKUKAN  
PELAYANAN KOMUNITI KE KANTOR TELUK NIPAH, PULAU PANGKALAN

No. Matric / Matric's No.: M20162001299

Saya / I: FAHMI ZULAINA BINTI MOHAMED  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan  
di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan  
seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah kerahsiaan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

[Signature]  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20/11/2017

[Signature]  
**Dr. Kamarul Bin Ismail**  
Penasihat Kanan  
Jabatan Geografi & Alam Sekitar  
(Tandatangan & (Name) / Supervisor Stamp)  
Fakulti Sains Kemajuan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35100 Tanjung Malim, Perak.

Calatan jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan  
terangan menyatakan sekali sebah dan temoh laporan ini perlu dibekalkan sebagai SULIT dan TERHAD

Notes: If the Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period  
and reasons for confidentiality or restriction

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaan-Nya dapat saya menyiapkan penulisan tesis ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia pertama dan penyelia kedua saya iaitu Dr Kamarul Ismail dan Prof Madya Dr Norimah Rambeli serta Prof Madya Dr Fauziah Che Leh yang banyak memberi tunjuk ajar dan idea berkaitan dengan kajian yang saya lakukan. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada mereka semua adalah sukar untuk saya menyiapkan tesis dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya amat berterima kasih kepada ibu saya iaitu Pn Zainon Ismail dan ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan, dorongan dan kewangan bagi membantu saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada kawan-kawan saya iaitu Syafa, Rosmawati, Fitriyah, Amalina dan Marliana yang banyak membantu saya dalam mengumpul data kajian bagi menyiapkan tesis dan membolehkan saya untuk bergraduasi. Sekian, terima kasih.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengaruh faktor kos, ekonomi dan sosial terhadap kebarangkalian lawatan dalam kalangan pelancong domestik ke Pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor. Oleh itu, kajian ini menggunakan Kaedah Kos Perjalanan Individu (ITCM) sebagai alat untuk mengira nilai ekonomi kawasan pelancongan pinggir pantai berdasarkan perbelanjaan individu pelancong. Dengan menggunakan pensampelan bertujuan, sebanyak 168 soal selidik diedarkan dalam kalangan pelancong tempatan yang telah bermalam di Pulau Pangkor pada 23 hingga 27 Disember 2017. Penggunaan model kajian diadaptasi daripada kajian Raziah (2003) yang mana model sebelum ini adalah daripada Jamal & Redzuan (1997). Namun dalam kajian ini, terdapat beberapa item pembolehubah yang ditambah seperti kos cenderamata, kos internet, kos telefon dan kos perbelanjaan rekreasi. *Ordinary Least Square* (OLS), min dan analisis logistik dikira untuk mendapatkan kos jumlah perbelanjaan dalam kalangan pelancong tempatan. Nilai  $R^2$  menunjukkan 98.8% perubahan dalam kos yang dianggar boleh dijelaskan oleh kos perjalanan. Analisis logistik menunjukkan bahawa pembolehubah seperti jumlah kos ( $\delta_1 = -0.842$ ) dan pendapatan ( $\delta_2 = 0.720$ ) adalah faktor penentu pengaruh utama dan ketara menjejaskan kebarangkalian lawatan ke pantai Teluk Nipah. Kesimpulannya, penemuan ini juga menyokong hubungan negatif antara jumlah kos dan kebarangkalian lawatan. Oleh itu, jika jumlah kos (TC) berkurangan, kebarangkalian lawatan individu akan meningkat pada masa akan datang. Keputusan analisis menunjukkan kebarangkalian lawatan dalam kalangan pelancong domestik ke Pantai Teluk Nipah adalah 82.4 %. Walau bagaimanapun, umur ( $\delta_3 = 0.030$ ) bukanlah faktor pengaruh utama dalam menentukan kebarangkalian lawatan ke pantai Teluk Nipah. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pihak berkuasa tempatan harus memainkan peranan dalam menyediakan pakej harga pelancongan yang berpatutan agar pelancong dapat membuat lawatan ulangan ke Pulau Pangkor pada masa akan datang.



## **THE INFLUENCE OF COST, ECONOMIC AND SOCIAL FACTOR TOWARD THE PROBABILITY OF VISITS AMONG DOMESTIC TOURISTS TO TELUK NIPAH BEACH, PANGKOR ISLAND**

### **ABSTRACT**

This research aims to identify the influence of cost, economic and social factor towards the probability of individual visiting Teluk Nipah beach in Pangkor Island. Therefore, this research used the Individual Travel Cost Method (ITCM) as a tool to calculate the economic value of coastal tourist area based on individual tourist expenses. By using purposive sampling, 168 questionnaires were distributed among local tourists who had spent the night at Pangkor Island on 23<sup>rd</sup> until 27<sup>th</sup> December 2017. The model used in this study was adapted from Raziah (2003) which is originated from Jamal & Redzuan (1997). However, some variables item were added such as souvenirs, internet, telephone and recreational expenditure cost. *Ordinary Least Square* (OLS), mean and logistic analysis were calculated to get the total cost of expenditure among local tourist. The value of  $R^2$  indicates 98.8% changes in the estimated cost can be explained by the travel cost. The logistic analysis shows that variables such as total cost ( $\delta_1 = -0.842$ ) and income ( $\delta_2 = 0.720$ ) are the main determinant which influence the factor and significantly affect the probability of visiting Teluk Nipah beach. In conclusion, the findings also support the negative relationship between total cost and the probability of a visit. Hence, if the total cost (TC) decreased, the probability of individual to visit would increase in future. Analysis result show the probability of a visit among domestic tourist to Teluk Nipah beach is 82.4%. However, age ( $\delta_3 = 0.030$ ) is not the main influence in determining the probability of a visit to Teluk Nipah beach. The study implicates that local authorities should play a role in providing affordable tourism package so that tourists can repeat their visit in the future.

## KANDUNGAN

|                          |                   |
|--------------------------|-------------------|
| <b>PENGAKUAN</b>         | <b>Muka surat</b> |
|                          | i                 |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | iii               |
| <b>ABSTRAK</b>           | iv                |
| <b>ABSTRACT</b>          | v                 |
| <b>KANDUNGAN</b>         | vi                |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | xiii              |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | xiv               |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xvi               |

## BAB 1 PENGENALAN

|                                                    |    |
|----------------------------------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan                                    | 1  |
| 1.2 Pernyataan Masalah                             | 7  |
| 1.3 Rangka Kerja Konsep, Orientasi dan Skop Kajian | 10 |
| 1.3.1 Rangka Kerja Konsep                          | 10 |
| 1.3.2 Orientasi Kajian dan Skop Kajian             | 18 |
| 1.4 Matlamat Kajian                                | 22 |
| 1.4.1 Objektif Kajian                              | 22 |
| 1.5 Persoalan Kajian                               | 22 |
| 1.6 Hipotesis Kajian                               | 22 |
| 1.7 Kepentingan Kajian                             | 23 |
| 1.8 Definisi Operasional                           | 25 |
| 1.9 Organisasi Penulisan Tesis                     | 30 |

## **BAB 2 KAEDAH KOS PERJALANAN DALAM KAJIAN PELANCONGAN PINGGIR PANTAI: SATU SOROTAN KAJIAN**

|       |                                                               |    |
|-------|---------------------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                                    | 32 |
| 2.2   | Definisi Utama                                                | 33 |
| 2.2.1 | Definisi Nilai                                                | 33 |
| 2.2.2 | Definisi Nilai Ekonomi                                        | 34 |
| 2.2.3 | Definisi Kaedah Kos Perjalanan (TCM)                          | 35 |
| 2.2.4 | Pentaksiran Nilai Ekonomi                                     | 36 |
| 2.2.5 | Taman Rekreasi                                                | 37 |
| 2.2.6 | Taman Rekreasi (Pantai)                                       | 38 |
| 2.3   | Kaedah Pendedahan Keutaman/ <i>Revealed Preference Method</i> | 38 |
| 2.4   | Nilai Ekosistem                                               | 40 |
| 2.4.1 | Nilai yang digunakan/ <i>Used Value</i>                       | 41 |
| 2.4.2 | Nilai yang tidak digunakan/ <i>Non-use Value</i>              | 43 |
| 2.5   | Pentaksiran Nilai Ekonomi                                     | 44 |
| 2.5.1 | Kajian Dalam Negara                                           | 44 |
| 2.5.2 | Kajian Luar Negara                                            | 45 |
| 2.6   | Kerangka Teori Kajian                                         | 47 |
| 2.7   | Kaedah Kos Perjalanan (TCM)                                   | 50 |
| 2.7.1 | Kos Jarak                                                     | 50 |
| 2.7.2 | Kos Masa                                                      | 51 |
| 2.7.3 | Kos Tol                                                       | 53 |
| 2.7.4 | Kos Penginapan                                                | 53 |



|        |                                                                                                                                      |    |
|--------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.7.5  | Kos Bahan Api                                                                                                                        | 54 |
| 2.7.6  | Kos Bayaran Masuk                                                                                                                    | 54 |
| 2.7.7  | Kos Makanan                                                                                                                          | 56 |
| 2.7.8  | Kos Cenderamata                                                                                                                      | 56 |
| 2.7.9  | Kos Rekreasi                                                                                                                         | 57 |
| 2.8    | Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kunjungan<br>Pelancong ke Kawasan Pelancongan Pinggir Pantai                                         | 61 |
| 2.8.1  | Keindahan Alam Semulajadi                                                                                                            | 62 |
| 2.8.2  | Pemandangan Pantai yang Cantik dan Bersih                                                                                            | 62 |
| 2.8.3  | Berdekatan dengan Tempat Kediaman<br>Pelancong                                                                                       | 63 |
| 2.8.4  | Aktiviti Pantai yang Menarik                                                                                                         | 63 |
| 2.8.5  | Aktiviti Sukan Air                                                                                                                   | 64 |
| 2.8.6  | Penginapan yang Selesa                                                                                                               | 64 |
| 2.8.7  | Aksesibiliti yang Mudah untuk Dikunjungi                                                                                             | 65 |
| 2.8.8  | Persekitaran yang Selamat                                                                                                            | 66 |
| 2.8.9  | Aktiviti Malam yang Menarik                                                                                                          | 67 |
| 2.9    | Pembolehkan Jumlah Lawatan Individu                                                                                                  | 67 |
| 2.9.1  | Umur                                                                                                                                 | 67 |
| 2.9.2  | Pendapatan                                                                                                                           | 68 |
| 2.9.3  | Jumlah Bilangan Ahli Keluarga                                                                                                        | 70 |
| 2.9.4  | Pendidikan                                                                                                                           | 70 |
| 2.10   | Jurang dalam Aplikasi Kaedah Kos Perjalanan                                                                                          | 72 |
| 2.10.1 | Tidak Menggunakan Lawatan Pelbagai Tujuan<br>( <i>Multipurpose Visit</i> ) dan Lawatan Pelbagai<br>Tempat ( <i>Multisite Visit</i> ) | 72 |



|        |                                                                    |    |
|--------|--------------------------------------------------------------------|----|
| 2.11   | Masalah dalam Aplikasi Kaedah Kos Perjalanan                       | 73 |
| 2.11.1 | Tempoh Masa Perjalanan                                             | 73 |
| 2.11.2 | Perjalanan Pelbagai Tujuan ( <i>Multi-purpose Trip</i> )           | 74 |
| 2.11.3 | Penggantian Kawasan Rekreasi ( <i>Substitute Sites</i> )           | 75 |
| 2.11.4 | Kos Lain yang Terlibat                                             | 76 |
| 2.11.5 | Kesan Tempoh Lawatan                                               | 77 |
| 2.11.6 | Kualiti Kawasan Rekreasi dan Kesesakan                             | 77 |
| 2.12   | Aplikasi TCM dalam Pelancongan berasaskan Sumber Semulajadi-Pantai | 78 |
| 2.12.1 | Kajian Luar Negara                                                 | 78 |
| 2.13   | Kesimpulan                                                         | 87 |

### **BAB 3 METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN**

|       |                                         |    |
|-------|-----------------------------------------|----|
| 3.1   | Pengenalan                              | 88 |
| 3.2   | Kaedah Kajian                           | 89 |
| 3.2.1 | Borang Soal Selidik                     | 89 |
| 3.2.3 | Data Sekunder                           | 90 |
| 3.3   | Kaedah Penganggaran                     | 90 |
| 3.3.1 | Ordinary Least Square (OLS)             | 91 |
| 3.3.2 | Model Logit (Regresi Logit)             | 92 |
| 3.4   | Kriteria Ekonometrik                    | 93 |
| 3.4.1 | Heteroskedastisiti                      | 94 |
| 3.4.2 | Multikolineariti                        | 94 |
| 3.5   | Pembentukan Model dan Spesifikasi Model | 97 |

|                                             |     |
|---------------------------------------------|-----|
| 3.6 Analisis Data                           | 101 |
| 3.7 Kawasan Kajian                          | 102 |
| 3.8 Pensampelan dan Pengedaran Soal Selidik | 106 |
| 3.9 Kajian Rintis                           | 109 |
| 3.10 Ujian Normaliti                        | 112 |
| 3.11 Kesimpulan                             | 112 |

#### **BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

|                                                                                                                                                   |     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1 Pengenalan                                                                                                                                    | 114 |
| 4.2 Pantai                                                                                                                                        | 115 |
| 4.2.1 Tarikh Pelancong Tiba ke Pulau Pangkor                                                                                                      | 115 |
| 4.2.2 Tarikh Pelancong Balik ke Destinasi Kediaman                                                                                                | 117 |
| 4.2.3 Bilangan Bermalam di Pulau Pangkor                                                                                                          | 119 |
| 4.3 Profil Pelancong                                                                                                                              | 120 |
| 4.4 Ciri-ciri perjalanan                                                                                                                          | 127 |
| 4.4.1 Melawat Pulau Pangkor pada Kali Pertama                                                                                                     | 127 |
| 4.4.2 Kedudukan Pantai                                                                                                                            | 134 |
| 4.5 Ujian Normaliti terhadap Pembolehubah dalam Menganalisis Kos Perjalanan Individu (ITCM) dengan Menggunakan Model Kos Perjalanan yang Dibentuk | 135 |
| 4.6 Analisis Kos Perjalanan Individu (ITCM) ke Lokasi Pelancongan Pinggir Pantai di Pulau Pangkor                                                 | 136 |
| 4.6.1 Model Penganggaran Jumlah Kos Keseluruhan (TC) oleh Pelancong di Pantai Teluk Nipah (MODEL 1)                                               | 137 |
| 4.7 Faktor yang Mempengaruhi Jumlah Lawatan Individu Ke Lokasi Pelancongan Pinggir Pantai di Pulau                                                | 142 |

## Pangkor

|        |                                                                                                                             |     |
|--------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.7.1  | Model Penganggaran Jumlah Lawatan Individu Pelancong dalam Masa Setahun di Pantai Teluk Nipah (MODEL 2)                     | 144 |
| 4.7.2  | Model Penganggaran Kebarangkalian Lawatan Individu Pelancong ke Pantai Teluk Nipah dengan Menggunakan Model Logit (Model 3) | 148 |
| 4.8    | Pengujian Hipotesis Kajian                                                                                                  | 151 |
| 4.9    | Jumlah Pantai yang Dikunjungi ketika Berkunjung ke Pulau Pangkor                                                            | 152 |
| 4.9.1  | Pantai-pantai yang Dikunjungi oleh Pelancong Semasa berada di Pulau Pangkor                                                 | 154 |
| 4.10   | Pandangan Pelancong terhadap Kos yang Dibelanjakan Semasa di Pulau Pangkor                                                  | 155 |
| 4.10.1 | Pandangan Pelancong Mengunjungi Pulau Pangkor pada Masa Akan Datang                                                         | 156 |

## BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

|       |                                                                                                                                    |     |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                                                                         | 160 |
| 5.2   | Perbincangan Dapatan Kajian                                                                                                        | 161 |
| 5.3   | Cadangan untuk Meningkatkan Kedatangan Pelancong ke Pusat Pelancongan Pinggir Pantai di Pulau Pangkor, Perak pada Masa akan Datang | 174 |
| 5.3.1 | Menetapkan Harga Makanan, Pakaian dan Cenderamata                                                                                  | 174 |
| 5.3.2 | Mengkomersialkan Pantai Teluk Ketapang                                                                                             | 175 |
| 5.3.3 | Meningkatkan Strategi Pemasaran Kemudahan yang Sedia Ada                                                                           | 177 |
| 5.4   | Cadangan Kajian pada Masa Depan                                                                                                    | 180 |

|                |     |
|----------------|-----|
| 5.5 Kesimpulan | 182 |
|----------------|-----|

|                |     |
|----------------|-----|
| <b>RUJUKAN</b> | 184 |
|----------------|-----|

|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>LAMPIRAN</b> |  |
|-----------------|--|

**SENARAI JADUAL**

| <b>No. Jadual</b> |                                                                                      | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 2.1               | Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan oleh Pengkaji dalam Kajian Lepas            | 58                |
| 2.2               | Sintesis Kajian Literatur                                                            | 80                |
| 3.1               | Pensampelan kajian                                                                   | 109               |
| 3.2               | Nilai kebolehppercayaan                                                              | 111               |
| 3.3               | Skala kebolehppercayaan Alpha-Cronbach                                               | 111               |
| 4.1               | Profil pelancong di Pantai Teluk Nipah                                               | 121               |
| 4.2               | Ciri-ciri perjalanan pelancong di Pantai Teluk Nipah                                 | 128               |
| 4.3               | Model penganggaran kos keseluruhan (TC) individu pelancong ke Pantai Teluk Nipah     | 141               |
| 4.4               | Model penganggaran jumlah kunjungan individu pelancong (Vij) ke Pulau Pangkor        | 146               |
| 4.5               | Model penganggaran kebarangkalian lawatan individu pelancong berdasarkan model logit | 149               |



**SENARAI RAJAH**

| <b>No. Rajah</b> |                                                                                        | <b>Muka Surat</b> |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.1              | Kerangka Konseptual dan Orientasi Kajian                                               | 19                |
| 2.1              | Kerangka Teori Kajian                                                                  | 49                |
| 3.1              | Peta lokasi kajian                                                                     | 104               |
| 4.1              | Peratus ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor                                            | 117               |
| 4.2              | Peratus tarikh pelancong balik ke destinasi kediaman                                   | 118               |
| 4.3              | Peratus bilangan pelancong bermalam di Pulau Pangkor                                   | 120               |
| 4.4              | Peratus kedudukan pantai mengikut keutamaan pelancong                                  | 135               |
| 4.5              | Peratus jumlah pantai yang dikunjungi oleh pelancong di Pulau Pangkor                  | 153               |
| 4.6              | Peratus pantai yang dikunjungi oleh pelancong ketika di Pulau Pangkor                  | 154               |
| 4.7              | Peratus pandangan pelancong terhadap kos yang dibelanjakan di Pulau Pangkor            | 155               |
| 4.8              | Peratus pandangan pelancong yang akan mengunjungi Pulau Pangkor pada masa akan datang  | 157               |
| 4.9              | Peratus pandangan pelancong tidak akan mengunjungi Pulau Pangkor pada masa akan datang | 158               |
| 5.1              | Menara api di Pantai Teluk Ketapang                                                    | 176               |
| 5.2              | Kemudahan Rumah Rehat Kerajaan Negeri di Pulau Pangkor                                 | 178               |



|     |                                             |     |
|-----|---------------------------------------------|-----|
| 5.3 | Kemudahan lapangan terbang di Pulau Pangkor | 179 |
| 5.4 | Kemudahan insinerator di Pulau Pangkor      | 180 |



## SENARAI SINGKATAN

|      |                                     |
|------|-------------------------------------|
| CVM  | Contingent Valuation Method         |
| ITCM | Individual Travel Cost Method       |
| KM   | Kilometer                           |
| MC   | Multicollinearity                   |
| MPM  | Majlis Perbandaran Manjung          |
| NGO  | Non Government Organization         |
| OLS  | Ordinary Least Square               |
| PBT  | Pihak Berkuasa Tempatan             |
| PMR  | Penilaian Menengah Rendah           |
| SEEA | System Economic Environment Account |
| SPM  | Sijil Pelajaran Malaysia            |
| STOL | Short Take Off and Landing          |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia     |
| TCM  | Travel Cost Method                  |
| TEV  | Total Economic Value                |
| UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah      |
| WTO  | World Tourism Organization          |
| ZTCM | Zonal Travel Cost Method            |





## BAB 1



## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Industri pelancongan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi di kebanyakan negara di dunia. Di Malaysia, industri pelancongan semakin berkembang pesat ekoran wujudnya pelbagai tempat menarik yang sesuai dipromosikan sebagai lokasi pelancongan. Terdapat banyak jenis produk pelancongan di Malaysia seperti pelancongan berasaskan ekopelancongan, pelancongan tempat bersejarah, pelancongan kesihatan, pelancongan berasaskan pendidikan, pelancongan





sukan dan agro-pelancongan (Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia, 2014). Malaysia lebih dikenali di peringkat dunia sebagai destinasi pelancongan berasaskan ekopelancongan berbanding dengan produk pelancongan jenis lain. Salah satu produk ekopelancongan paling mendapat tempat dalam kalangan pelancong tempatan mahupun antarabangsa ialah pelancongan pinggir pantai (Mohd Anuar, 2009). Hal ini selaras dengan pengiktirafan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia (WTO) yang meletakkan Malaysia di kedudukan negara yang kesebelas paling kerap dikunjungi di dunia pada tahun 2013. Pada tahun 2017, Malaysia disenaraikan sebagai negara ke-12 paling ramai dikunjungi oleh pelancong seluruh dunia (Omar, 2017).

Pertubuhan Pelancongan Dunia (WTO) pada tahun 2012 mendefinisikan pelancong sebagai pergerakan keluar seseorang individu daripada tempat kebiasaan mereka untuk bercuti dalam tempoh masa tidak melebihi setahun. Pelancongan juga melibatkan aktiviti yang dilakukan di tempat yang dituju dan kemudahan yang disediakan untuk keperluan pelancong. WTO (2014), mendefinisikan pelancongan sebagai fenomena sosial, budaya dan ekonomi yang menyebabkan pergerakan keluar daripada persekitaran biasa seseorang untuk tujuan peribadi atau urusan perniagaan. Pengunjung yang melawat kawasan yang dituju dipanggil sebagai pelawat harian, penduduk setempat atau bukan penduduk setempat dan dapat melakukan aktiviti pelancongan yang melibatkan perbelanjaan pelancongan.

Pelancongan pinggir pantai menurut Hanizah et al. (2017) melibatkan aktiviti dan rekreasi yang dijalankan di pinggir pantai. Sebagai contoh antara aktiviti yang dilakukan seperti bermain di pantai, mandi laut, bersiar-siar dengan bot, bermain jet





ski, menyelam dan memancing. Hanizah et al. (2017) juga menyatakan bahawa sejarah pelancongan pinggir pantai telah bermula di negara Barat sejak pada abad ke-18 terutamanya bagi aktiviti berjemur di bawah terik sinaran cahaya matahari. Ini kerana masyarakat Barat menghargai keindahan alam semulajadi seperti pantai, gunung, sinaran cahaya matahari dan kolam air panas lebih awal berbanding dengan bangsa lain di dunia.

Kawasan pelancongan merupakan salah satu sumber semulajadi yang bersifat barang bukan pasaran yang mana nilai ekonominya sukar dihitung. Menurut Sukanya (2013), barang bukan pasaran ialah barangan dan perkhidmatan ekosistem yang tidak dapat dinilai kerana tidak mempunyai harga yang ditetapkan untuk menganggar fungsi permintaan. Sumber semula jadi seperti tasik, hutan, pantai yang sesuai dijadikan sebagai kawasan rekreasi dan tergolong dalam kategori barang bukan pasaran. Oleh yang demikian, satu teknik digunakan untuk menilai ekonomi kawasan pelancongan iaitu dengan menggunakan Kaedah Kos Perjalanan (TCM). Kaedah Kos Perjalanan ialah teknik yang digunakan oleh penyelidik terdahulu untuk menilai ekonomi bagi kawasan yang bersifat bukan pasaran. Heyes dan Heyes (1999) menyatakan TCM digunakan sebagai kaedah bukan secara langsung untuk menganggarkan faedah yang diterima oleh pengguna ketika membuat lawatan ke kawasan rekreasi seperti pantai, taman dan kawasan sejarah. TCM digunakan dan sangat popular bertujuan mengkaji aktiviti berasaskan rekreasi. Dalam konteks kajian ini, kaedah TCM digunakan bertujuan menentukan nilai ekonomi kawasan pelancongan pinggir pantai di Pulau Pangkor berdasarkan kepada data perjalanan dan perbelanjaan individu di lokasi pantai yang dikaji iaitu Pantai Teluk Nipah.





TCM mempunyai beberapa kategori seperti Kaedah Kos Perjalanan Individu (ITCM), Kaedah Penilaian Jangkaan (CVM) dan Kaedah Perjalanan Dizonkan (ZTCM). Kaedah Kos Perjalanan Individu adalah kos yang dihitung berdasarkan individu (Voltaire, Levi, Alban & Boncoeur, 2017). Hal ini kerana kaedah ini menerangkan tentang kekerapan kunjungan ke kawasan rekreasi oleh setiap individu berdasarkan kepada ciri-ciri individu dan kos yang ditanggung. Manakala, Kaedah Penilaian Jangkaan digunakan untuk menganggarkan nilai ekonomi bagi semua jenis ekosistem dan perkhidmatan alam sekitar (Jala & Nandagiri, 2015). Ezebilo (2016) pula menyatakan Kaedah Kos Perjalanan Dizonkan melibatkan pengunjung daripada zon yang telah ditetapkan berdasarkan jarak berbeza dari rumah mereka ke tapak rekreasi. Namun dalam kajian ini, Kaedah Kos Perjalanan Individu diambil kira sebagai proksi utama dalam mengira nilai ekonomi lokasi pelancongan pinggir pantai. Hal ini kerana pengiraan nilai ekonomi adalah berdasarkan kepada data kos perjalanan individu dan lebih efisien berbanding dengan CVM dan ZTCM.

TCM diperkenalkan oleh Harold Hotelling pada tahun 1947 dalam membuat penilaian terhadap perkhidmatan ekonomi Taman Negara di Amerika Syarikat. Kemudiannya, Hotelling (1949) mencadangkan bahawa kos yang dibelanjakan oleh pelancong boleh digunakan untuk perkembangan nilai kawasan rekreasi yang dilawati. Teori ini telah diperkemas lagi oleh Clawson & Knetsch pada tahun 1966. Berdasarkan kepada keperluan data kajian, kesanggupan pengunjung untuk membayar/ *willingness to pay* (WTP) semasa pergi dan balik ke destinasi pelancongan dan perbelanjaan di lokasi diambil kira sebagai data utama kajian. Ini bertujuan mengetahui sejauh mana pelancong sanggup berbelanja dari segi kewangan demi menampung keperluan kos perjalanan dan perbelanjaan keseluruhan di lokasi





pelancongan yang dikunjungi. Jika terdapat perbelanjaan yang dibuat oleh individu pelancong di sesebuah lokasi pelancongan ia mampu menunjukkan terdapat nilai ekonomi bagi pusat pelancongan tersebut. Hal ini seterusnya membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Non Government Organization* (NGO) dan individu dalam menguruskan lokasi pelancongan yang berada di bawah tanggungjawab dan pengurusan mereka. Ia akan berkait dengan usaha sama ada mempertahankan lokasi pelancongan sedia ada bagi tujuan mencapai hasrat kelestarian pelancongan pada masa akan datang atau memberi laluan kepada projek pembangunan ekonomi lain yang jauh lebih menguntungkan dengan cara mengorbankan aset alam sekitar sedia ada.

Keunikan pantai di Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan pinggir pantai yang mampu menarik pelancong tempatan sudah lama terbukti. Namun, kajian berkaitan penentuan nilai ekonomi bagi setiap lokasi pelancongan pinggir pantai dengan menggunakan kos perjalanan dan perbelanjaan individu di lokasi masih kurang diteroka oleh pengkaji sebelum ini khususnya dengan memasukkan elemen lawatan pelbagai tujuan dan lawatan pelbagai tempat. Kajian ini juga bersesuaian dengan 'Tahun Melawat Perak 2017' yang mengandaikan kedatangan pelancong ke Pulau Pangkor meningkat. Terdapat lima (5) pantai di Pulau Pangkor yang kedudukannya berdekatan antara satu sama lain. Kajian ini memilih Pantai Teluk Nipah sebagai satu-satunya lokasi pelancongan pinggir pantai yang menjadi tumpuan pelancong ketika berkunjung ke Pulau Pangkor. Nilai ekonomi kawasan kajian dapat dihitung dengan mengambilkira perbelanjaan yang dibuat oleh pengunjung iaitu meliputi kos sepanjang perjalanan ke destinasi seperti kos petrol, tol, tempat letak kereta, tambang feri, bayaran kemasukan ke lokasi dan kos makanan (Jala, 2015), kos





perbelanjaan di lokasi (cenderamata, penginapan, makanan dan minuman dan lain-lain) dan kos perjalanan balik ke lokasi kediaman masing-masing (kos yang ditanggung adalah kos sama seperti kos sepanjang perjalanan ke destinasi). Kehadiran pelancong tempatan ke kawasan kajian membolehkan nilai ekonomi pantai Teluk Nipah dikira dan ditentukan seterusnya kesanggupan pelancong untuk membayar bagi menikmati pelancongan yang diinginkan dapat dianggar.

TCM dapat dinilai dengan mengambil kira elemen perbelanjaan yang telah dibuat oleh individu dan kesanggupan untuk membayar/*willingness to pay* (WTP). Kesanggupan untuk membayar (WTP) adalah perbelanjaan yang dihabiskan oleh pengunjung untuk sampai ke destinasi yang dituju. Antara kos yang dilakukan oleh pengunjung bagi menuju ke destinasi pelancongan yang dibuat ialah seperti kos perjalanan iaitu kos tol, makanan, penginapan, bayaran tiket masuk dan kos-kos yang lain (Fleming 2007, Ekonomou et al., 2013 dan Jala, 2015). Kesimpulannya, TCM membantu dalam menilai ekonomi sesebuah kawasan yang bersifat bukan barangan berasaskan pasaran seperti kawasan pelancongan. Pengiraan nilai ekonomi ini membantu dalam memperkukuhkan nilai pertumbuhan ekonomi di sesebuah tempat. Sehubungan itu, melalui kaedah ini juga pengusaha atau pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat menambahbaik kelengkapan infrastruktur yang terdapat di sesebuah kawasan rekreasi pelancongan dan membantu dalam membina polisi ekopelancongan dengan lebih baik.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Perak mempunyai banyak tempat yang menarik untuk dilawati oleh pelancong. Sebagai contoh, Perak terkenal dengan produk pelancongan budaya, pelancongan pinggir pantai dan pelancongan sejarah (Hanizah et al., 2017). Walau bagaimanapun, pelancongan pinggir pantai paling popular dalam kalangan pengunjung ketika mengunjungi negeri Perak (Jabatan Laut, 2016). Hal ini kerana, Pulau Pangkor merupakan satu-satunya pulau pelancongan yang kerap dikunjungi oleh pelancong di negeri Perak. Perak merupakan antara negeri yang menjana pertumbuhan ekonomi di peringkat nasional dan antarabangsa melalui sektor pelancongan pinggir pantai. Ini terbukti melalui penjualan tiket feri ke Pulau Pangkor yang terus meningkat saban tahun. Menurut laman portal rasmi Majlis Perbandaran Manjung menerusi Jabatan Laut (2016), mencatatkan jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Pangkor berdasarkan penggunaan feri ialah sebanyak 941,407 orang pengunjung pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017 Jabatan Laut mencatatkan jumlah pelancong yang berkunjung ke Pulau Pangkor bertambah kepada 943,169 orang dan pada tahun 2018 sebanyak 1,420,514 keping tiket feri terjual.

Nilai ekonomi lokasi pelancongan pinggir pantai di Pulau Pangkor perlu dikira kerana pantai merupakan kawasan rekreasi yang bersifat barang bukan pasaran. Hal ini kerana, pantai merupakan kawasan semulajadi yang mempunyai nilai ekonomi dan boleh ditentukan melalui perbelanjaan individu pelancong yang datang berkunjung ke lokasi. Kajian ini dijalankan bertujuan mengira nilai ekonomi di Pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor dengan menceraap data perbelanjaan individu pelancong dalam tempoh kajian lapangan dijalankan. Perbelanjaan individu pelancong dapat menggambarkan



nilai ekonomi kawasan pelancongan di Pantai Teluk Nipah yang boleh dijadikan panduan oleh pihak pengurusan pelancongan di Pulau Pangkor dalam merancang, mengurus dan mengendalikan pusat pelancongan pada masa akan datang. Menurut Nde (2011), nilai rekreasi adalah berdasarkan kepada kesanggupan atau pengorbanan yang dibuat oleh pelancong untuk melakukan aktiviti pelancongan seperti masa, kos pengangkutan dan kos perbelanjaan ketika mengunjungi kawasan rekreasi seperti pantai. Oleh itu, Kaedah Kos Perjalanan (TCM) digunakan untuk menilai ekonomi bagi kawasan pelancongan pinggir pantai di Perak.

Lokasi pelancongan pinggir pantai yang dipilih di Pulau Pangkor sebagai lokasi kajian ialah Pantai Teluk Nipah. Pemilihan Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor kerana ia merupakan lokasi pantai yang menjadi tumpuan pelancong lebih daripada pantai-pantai yang lain ketika berada di pulau ini. Pemilihan lokasi kajian di Pulau Pangkor juga berdasarkan kepada kawasan rancangan tempatan yang meliputi lima blok perancangan seperti Pantai Teluk Dalam, Teluk Cempedak, Sungai Pinang, Pantai Teluk Segadas dan Pangkor Laut. Kaedah Kos Perjalanan (TCM) digunakan bagi menilai ekonomi kawasan pelancongan pinggir pantai berdasarkan kos perjalanan pelancong yang ditanggung secara individu. Ini kerana kajian berkaitan TCM ke atas pelancongan pinggir pantai tidak diaplikasikan oleh pengkaji lain sebelum ini di Pulau Pangkor. Kajian lepas yang pernah dijalankan di Pulau Pangkor sebelum ini lebih menjurus kepada pengurusan sisa pepejal (Jamaluddin Md Jahi, 2009) dan daya tampung kawasan tersebut terhadap alam sekitar (Rozniza Aznie, 2011) namun tidak menunjukkan nilai ekonomi bagi kawasan pelancongan pinggir pantai terutamanya dari sudut kos perjalanan. Oleh itu, Kaedah Kos Perjalanan





(TCM) digunakan untuk menilai dari sudut ekonomi terhadap kawasan pelancongan pinggir pantai di Pulau Pangkor iaitu di Pantai Teluk Nipah perlu dijalankan.

Berdasarkan kaedah TCM, nilai ekonomi kawasan pelancongan dapat ditentukan berdasarkan kepada sumber data perjalanan yang dilakukan oleh individu. Antara kos yang ditanggung oleh individu seperti kos jarak, kos bahan api, kos penginapan, kos makanan, kos penginapan dan lain-lain kos (Fleming 2007, Ekonomou et al., 2013 dan Jala, 2015) yang ditanggung individu untuk sampai ke destinasi pelancongan. Justeru, dengan adanya perbelanjaan yang dilakukan oleh individu pelancong mampu menggambarkan sama ada sesebuah destinasi pelancongan mempunyai nilai ekonomi atau tidak. Hal ini kerana kesanggupan individu pelancong untuk membayar boleh menjadi indikator kepada pihak berkuasa



tempat (PBT) sama ada untuk mengekalkan kawasan pelancongan pinggir pantai atau menggantikan dengan projek pembangunan lain. Di samping itu, penilaian ekonomi terhadap pelancongan pinggir pantai melalui Kaedah Kos Perjalanan Individu juga dapat membantu pusat-pusat pelancongan yang ada untuk menambahbaik kemudahan infrastruktur seperti mana yang diperlukan oleh pelancong. Justeru, dengan adanya kajian kos perjalanan ini dapat menjadi kayu ukur kepada pihak-pihak tertentu misalnya syarikat pelancongan dalam menyasarkan pakej-pakej yang bersesuaian yang lebih minimum dan boleh digunakan sebagai pilihan oleh pelancong. Sekiranya kos perjalanan yang ditanggung lebih mahal berbanding dengan kos yang ditawarkan oleh syarikat pelancongan maka, pelancong mempunyai pilihan untuk memilih pakej pelancongan daripada pelbagai syarikat pelancongan yang menawarkan perkhidmatan. Sebagai contoh, kos perjalanan ke Pantai Teluk Nipah adalah sebanyak RM 300 bagi setiap individu. Oleh yang





demikian, syarikat pelancongan boleh menawarkan pakej percutian ke Pantai Teluk Nipah dengan harga yang lebih murah contohnya RM 150 (bagi rombongan). Hal ini memberikan peluang kepada pelancong yang teringin tetapi tidak mampu menanggung kos yang tinggi ke Pantai Teluk Nipah dapat melancong. Oleh itu, dengan adanya pakej-pakej yang murah yang disediakan oleh syarikat pelancongan dapat meningkatkan kedatangan pelancong ke Pantai Teluk Nipah. Maka, nilai ekonomi Pantai Teluk Nipah juga turut meningkat.

### 1.3 Rangka Kerja Konsep, Orientasi dan Skop Kajian

Bahagian ini membincangkan tentang rangka kerja konsep, orientasi dan skop kajian.



Penerangan dan penjelasan yang lebih mendalam diterangkan dalam subtopik di bawah.

#### 1.3.1 Rangka Kerja Konsep

Sub topik ini membincangkan tentang rangka kerja konsep yang digunakan sepanjang penyelidikan dijalankan. Rangka kerja konsep yang digunakan dalam kajian ini merupakan panduan utama bagi memudahkan proses penyelidikan dilakukan. Konsep penggunaan Kaedah Kos Perjalanan telah diperkenalkan oleh Harold Hotelling pada tahun 1947. Namun pada tahun 1966, Clawson dan Knetsch telah membangunkan model empirik yang membolehkan penilaian ekonomi terhadap barangan bukan pasaran dapat dihitung dengan lebih baik melalui penggunaan model pengukuran.



Berdasarkan kepada Bateman (1993), terdapat tiga (3) sebab utama untuk menganalisis kos perjalanan iaitu:

- i. Sebab utama adalah menitikberatkan bagaimana permintaan bergantung kepada kualiti barangan.
- ii. Sebab kedua pula berkait dengan jumlah dan masa perjalanan sepanjang lawatan dalam masa setahun.
- iii. Sebab ketiga ialah mengambil kira tentang penggantian lawatan seperti pelancong yang melawat taman kebangsaan yang mengambil pilihan daripada beberapa taman.

Menurut Bateman (1993) ketiga-tiga sebab utama di atas boleh dicapai melalui penggunaan model pengukuran Kaedah Kos Perjalanan (TCM). Model pengukuran TCM yang diperkenalkan oleh Bateman (1993) ini, digunakan dalam membuat pengiraan terhadap Kaedah Kos Perjalanan secara meluas dalam bidang ekonomi (Georgiou et al., 1997, Ward & Beal, 2000 dan Pagiola et al., 2004). Teori ini juga dikenali sebagai fungsi penjanaan perjalanan (TGF) yang membolehkan penilaian ekonomi bagi destinasi yang dituju oleh pelancong dapat dihitng.

Orientasi kajian yang digunakan adalah seperti penggunaan model untuk membantu memudahkan proses menganalisis data yang diperoleh ketika menjalankan kajian lapangan seperti yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian terdapat beberapa model yang digunakan dalam kajian ini seperti Model TCM, Model *Ordinary Least Square* (OLS) dan Model Logit. Kepelbagaian model yang digunakan dapat memberikan hasil yang berbeza-beza mengikut objektif kajian yang ingin dicapai. Bentuk Model TCM yang digunakan dalam bidang ekonomi ini adalah seperti berikut:

$$V = f(c, x) + \varepsilon_i \quad (1.1)$$



Di mana,

$V$  = Lawatan ke lokasi

$c$  = Kos lawatan

$x$  = Pembolehubah sosioekonomi yang signifikan untuk menjelaskan  $V$

$\varepsilon_i$  = faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan ke dalam fungsi tetapi mempengaruhi  $V$ .

Berdasarkan fungsi (1.1), mengikut Bateman (1993) fungsi permintaan yang diukur dalam kaedah kos perjalanan adalah bukan keluk permintaan yang biasa. Hal ini adalah kerana TCM turut mengukur nilai kegunaan kawasan rekreasi untuk kawasan rekreasi yang spesifik. Penilaian ini berkait dengan permintaan terhadap kawasan yang diukur berdasarkan kepada (lawatan destinasi/lokasi) kepada harga (diukur sebagai kos lawatan).



Dalam kajian ini, Kaedah Kos Perjalanan diukur berdasarkan kepada model kos perjalanan individu. Kaedah Kos Perjalanan diukur berdasarkan kepada kos perjalanan individu (ITCM) ketika menuju ke destinasi yang dilawati. Model ini digunakan untuk mengukur fungsi permintaan terhadap kawasan rekreasi. Sehubungan dengan itu, model ini dapat membantu penyelidik untuk memerhati kunjungan individu yang membuat lawatan terhadap kemudahan kawasan rekreasi. Jadi, jumlah kunjungan individu dimasukkan dalam fungsi kos perjalanan bagi menentukan kekerapan yang dilakukan oleh individu untuk mengunjungi destinasi pelancongan dalam tempoh masa setahun. Model ini juga memerlukan variasi dalam jumlah lawatan individu yang dibuat ke kawasan rekreasi dan untuk mengukur fungsi permintaan.



Mengikut pembacaan yang dibuat, Bateman (1993) hanya membincangkan berkaitan dengan kos lawatan sahaja manakala Raziah (2003) menyatakan bukan sahaja kos lawatan yang termasuk dalam model TCM tetapi kepelbagaian kos lain juga boleh diambilkira. Antara kos yang digunakan oleh Raziah (2003) dalam model ini ialah kos perjalanan, jarak, kos masa, kos tol, kos petrol, kos bayaran masuk, kos makan di lokasi, kos penginapan dan kos-kos lain yang ditanggung oleh individu yang berkunjung ke kawasan pelancongan. Berikut merupakan model kaedah perjalanan secara individu yang dikemukakan oleh Raziah (2003) berdasarkan kepada fungsi (1.2):

$$TC_{ij} = f(DisC_{ij}, TimC_{ij}, PetC_{ij}, TolC_{ij}, FeeC_{ij}, FodC_{ij}, LogC_{ij}, OthC_{ij}...) \quad (1.2)$$

Di mana,

$TC_{ij}$  = Kos Perjalanan setiap individu i ke lokasi j

$DisC_{ij}$  = Jarak individu i ke lokasi j

$TimC_{ij}$  = Kos masa setiap individu i ke lokasi j

$PetC_{ij}$  = Kos petrol atau kos pengangkutan individu i ke lokasi j

$TolC_{ij}$  = Kos tol individu i ke lokasi j

$FeeC_{ij}$  = Kos yuran masuk individu i ke lokasi j

$FodC_{ij}$  = Kos makan individu i ke lokasi j

$LogC_{ij}$  = Kos penginapan individu i ke lokasi j

$OthC_{ij}$  = Kos-kos lain yang ditanggung individu i ke lokasi j

Raziah (2003) juga menyatakan Kos Perjalanan ( $TC_{ij}$ ) termasuk dalam ‘*trip generating function*’ (TGF) yang meramal jumlah lawatan ( $V_{ij}$ ) yang dilakukan oleh individu ke lokasi pelancongan. Pembolehubah sosioekonomi bagi setiap pengunjung individu adalah seperti pendapatan, umur dan jumlah ahli keluarga yang melakukan aktiviti pelancongan termasuk dalam TGF seperti yang dinyatakan di dalam fungsi (1.3). Oleh yang demikian, model Raziah (2003) adalah seperti berikut yang ditunjukkan dalam fungsi 1.3.

Bagi fungsi untuk mengetahui jumlah lawatan individu adalah seperti berikut:

$$V_{ij} = f(TC_{ij}, Inc_{ij}, Age_{ij}, Famil_{ij}) \quad (1.3)$$

Di mana,

$V_{ij}$  = Jumlah lawatan individu ke lokasi j

$TC_{ij}$  = Kos Perjalanan Individu ke lokasi j

$Inc_{ij}$  = Aras pendapatan individu ke lokasi j

$Age_{ij}$  = Aras umur individu ke lokasi j

$Famil_{ij}$  = Jumlah bilangan ahli keluarga ke lokasi j

Berdasarkan fungsi (1.3), dapat diperhatikan bahawa kos perjalanan individu dan jumlah lawatan individu dapat dihitung dengan lebih tepat. Selanjutnya, Clawson & Knetsh (1966) juga menjangkakan bahawa pengguna atau pelancong akan bertindak terhadap bayaran kemasukan yang dikenakan di mana ia akan meningkatkan kos perjalanan. Kos perjalanan individu adalah berbeza antara satu

sama lain walaupun bermula dari tempat tinggal yang sama. Oleh yang demikian dalam konteks kajian ini, model yang digunakan adalah seperti berikut:

$$TC_{sij} = f \left( \begin{aligned} &\alpha_0 + \alpha_1 DisC_{sij} + \alpha_2 PetC_{sij} + \alpha_3 TolC_{sij} + \alpha_4 FeeC_{sij} + \\ &\alpha_5 FodC_{sij} + \alpha_6 LogC_{sij} + \alpha_7 SouC_{sij} + \alpha_8 RarC_{sij} + \alpha_9 TelC_{sij} \\ &+ \alpha_{10} IntC_{sij} + \alpha_{11} OthC_{sij} + \Sigma_{sij} \end{aligned} \right) \quad (1.4)$$

Di mana,

$TC_{sij}$  = Kos perjalanan setiap individu  $i$  ke lokasi  $j$

$DisC_{sij}$  = Jarak individu  $i$  ke lokasi  $j$

$PetC_{sij}$  = Kos petrol atau kos pengangkutan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$TolC_{sij}$  = Kos tol individu  $i$  ke lokasi  $j$

$FeeC_{sij}$  = Kos bayaran masuk individu  $i$  ke lokasi  $j$

$FodC_{sij}$  = Kos makan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$LogC_{sij}$  = Kos penginapan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$SouC_{sij}$  = Kos souvenirs/cenderamata yang dibelanjakan oleh individu  $i$  ke lokasi  $j$

$RarC_{sij}$  = Kos rekreasi yang ditanggung individu  $i$  di lokasi  $j$

$TelC_{sij}$  = Kos telefon yang ditanggung individu  $i$  ke lokasi  $j$

$IntC_{sij}$  = Kos internet yang ditanggung individu  $i$  ke lokasi  $j$

$OthC_{sij}$  = Kos-kos lain yang ditanggung individu  $i$  ke lokasi  $j$

Berdasarkan kepada model yang digunakan dalam kajian ini iaitu persamaan (1.4) yang ditambahbaik daripada persamaan (1.2), menunjukkan Raziah (2003) mencadangkan kos juga dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Raziah (2003) hanya menyatakan kos-kos lain sahaja dalam kajiannya sebelum ini. Oleh yang demikian dalam kajian ini, kos-kos seperti kos *souvenirs*, kos rekreasi, kos bil telefon dan kos internet juga diambilkira sebagai kos perjalanan kerana ia merupakan kos yang dibelanjakan oleh individu pelancong semasa melakukan aktiviti pelancongan. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Knetsh (1966) yang menekankan penglibatan kos-kos lain dalam perjalanan.

Manakala, fungsi (1.5) merupakan persamaan yang digunakan untuk mengetahui jumlah lawatan individu dalam kajian ini dengan mengadaptasi daripada fungsi (1.3). Namun dalam kajian ini, pembolehubah sosioekonomi yang dicadangkan oleh Raziah (2003) diolah menjadi tiga (3) pembolehubah iaitu pendapatan, umur dan tahap pendidikan pelancong. Tahap pendidikan ditambah sebagai pembolehubah sosioekonomi yang baharu bagi menilai hubungan jumlah lawatan yang dilakukan akan meningkat sekiranya tahap pendidikan semakin tinggi.

$$V_{ij} = \beta_0 + \delta_1 \ln TC_{sij} + \delta_2 \ln Inc_{sij} + \beta_1 Age_{sij} + \beta_2 Edu_{sij} + \sum_{sij} \quad (1.5)$$

Di mana,

$V_{sij}$  = Jumlah lawatan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$\ln TC_{sij}$  = Kos perjalanan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$\ln Inc_{sij}$  = Aras pendapatan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$Age_{sij}$  = Aras umur individu  $i$  ke lokasi  $j$

$Edu_{sij}$  = Tahap pendidikan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$\beta_0$  = Parameter bagi pembolehubah malar ( $V_{ij}$ )

$\beta_{1-2}$  = Parameter bagi pembolehubah sosio-demografi

$\delta_{1-2}$  = Parameter bagi pembolehubah ekonomi

$\Sigma_{sij}$  = Faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan ke dalam fungsi tetapi mempengaruhi  $V_{ij}$

Sehubungan dengan itu, fungsi logistik juga turut digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui kebarangkalian jumlah lawatan individu pelancong dalam masa setahun ke Pulau Pangkor. Fungsi persamaan logistik (1.6) adalah seperti berikut:

$$\Pr(V_{ij3i} = 1 | \ln TC_i + \ln Inc_i Age_i, Edu_i) = F(\alpha_0 + \delta_1 \ln TC_i + \delta_2 \ln Inc_i + \beta_1 Age_i + \beta_2 Edu_i + \Sigma_{ij}) \quad (1.6)$$

Pr : Kebarangkalian (*Probability*)

$Age_i$  : Umur individu  $i$  ke lokasi  $j$

$Edu_i$  : Tahap pendidikan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$\ln TC_i$  : Kos perjalanan individu  $i$  ke lokasi  $j$

$\ln Inc_i$  : Jumlah pendapatan individu  $i$  ke lokasi  $j$


$\alpha_0$  : Parameter bagi pembolehubah malar

$\beta_{1-2}$  : Parameter bagi pembolehubah sosio-demografi

$\delta_{1-2}$  : Parameter bagi pembolehubah ekonomi

### 1.3.2 Orientasi Kajian dan Skop Kajian

Subtopik ini menjelaskan tentang orientasi kajian yang digunakan sepanjang melakukan aktiviti penyelidikan. Berdasarkan kepada Rajah 1.1, kerangka konseptual dan orientasi kajian dibina bagi membolehkan penyelidikan dilakukan dengan teratur dan terperinci. Kajian ini berfokuskan kepada pengaruh faktor kos, ekonomi dan sosial terhadap kebarangkalian mengulangi lawatan dalam kalangan pelancong domestik ke Pantai Teluk Nipah. Dalam penyelidikan ini iaitu Pantai Teluk Nipah dijadikan sebagai lokasi kajian. Oleh yang demikian, terdapat dua pemboleh ubah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Antaranya ialah pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tak bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah kekerapan kunjungan individu dalam tempoh masa setahun. Manakala pembolehubah tak bersandar pula merujuk kepada kos perbelanjaan perjalanan individu. Penerangan mengenai kerangka konseptual diterangkan berdasarkan Rajah 1.1 di sebelah.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual dan Orientasi Kajian

Kos perjalanan individu ialah kos yang ditanggung oleh pelancong sebelum sampai ke destinasi yang dituju dan kos perjalanan balik ke *origin* (tempat tinggal)

pelancong). Antara kos perjalanan individu ialah seperti kos tol, kos bahan api, kos penginapan, kos makanan dan kos bayaran kemasukan. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah kekerapan kunjungan individu dalam tempoh masa setahun. Manakala pembolehubah tak bersandar ialah kos perbelanjaan perjalanan individu. Ini kerana kos perjalanan individu ialah kos yang ditanggung oleh pelancong sebelum sampai ke destinasi yang dituju. Antara kos perjalanan individu ialah seperti kos tol, kos bahan api, kos penginapan, kos makanan dan kos bayaran kemasukan.

Selain itu, kos perjalanan individu juga dipengaruhi oleh kos-kos seperti kos makanan di kawasan pelancongan, kos pembelian *souvenir* (baju, *key chain*, pelekat magnetik, cenderamata daripada hasil-hasil laut), kos telefon, kos internet dan kos-kos lain yang turut mempengaruhi kos perjalanan. Sehubungan dengan itu, kos bagi perjalanan pulang daripada destinasi pelancongan juga merupakan kos perjalanan individu. Pembolehubah sosioekonomi yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti umur, pendapatan dan pendidikan untuk mengetahui sejauh mana ia mempengaruhi jumlah lawatan individu ke kawasan kajian.

Pembolehubah tak bersandar mempengaruhi pembolehubah bersandar. Hal ini kerana jika kos perjalanan individu meningkat, maka kekerapan kunjungan individu dalam masa setahun juga akan berkurang atau sebaliknya. Oleh itu, jangkaan dapatan kajian menyatakan bahawa kos perbelanjaan individu meningkat menjadikan kebarangkalian pelancong untuk melawat kawasan pelancongan tersebut berkurang. Sehubungan itu, kesemua pembolehubah yang digunakan memberi kesan terhadap lawatan dan lawatan ulangan pelancong ke lokasi pelancongan pinggir pantai di Pulau Pangkor. Kajian ini juga berfokuskan kepada penilaian ekonomi terhadap



pelancongan pinggir pantai yang dianggap sebagai sebuah lokasi pelancongan yang perlu diketahui dan ditentukan sama ada mempunyai nilai ekonomi atau sebaliknya apabila dikekalkan sebagai lokasi pelancongan.

Kajian ini melibatkan data perbelanjaan individu bagi pelancong tempatan yang berkunjung ke lokasi pelancongan pinggir pantai iaitu Pantai Teluk Nipah. Proses pengumpulan data primer juga dibuat semasa musim cuti persekolahan dan cuti umum semasa cuti sekolah. Sebagai contoh musim cuti persekolahan '*peak season*' (cuti sekolah) dan '*super-peak season*' (cuti umum semasa cuti sekolah). Pemilihan cuti sekolah sebagai tempoh untuk mengedarkan borang soal selidik adalah kerana ia merupakan masa paling sesuai kerana ramai pelancong yang berkunjung ke lokasi kajian dan mereka telah membuat perancangan yang rapi bagi tempoh percutian yang dilakukan. Sehubungan dengan itu, perbezaan tempoh masa cuti sekolah juga diambilkira bagi melihat perbezaan kadar kunjungan pelancong dan kos perbelanjaan individu ketika melancong di Pantai Teluk Nipah. Pengagihan borang soal selidik adalah sebanyak 168 orang yang mana pelancong tempatan yang berkunjung ke kawasan kajian menjadi responden. Tumpuan kajian kepada pelancong tempatan selaras dengan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut menunjukkan bilangan pelancong dalam kalangan pelancong tempatan paling tinggi melancong ke Pulau Pangkor berbanding dengan pelancong antarabangsa.



## 1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini bermatlamat menentukan nilai ekonomi lokasi pelancongan pinggir pantai di Pulau Pangkor iaitu Pantai Teluk Nipah dengan menggunakan kaedah TCM.

### 1.4.1 Objektif Kajian

Bagi tujuan mencapai objektif kajian yang khusus, sebanyak dua (2) objektif kajian dikemukakan; iaitu:

- 1) Mengira kos perjalanan dan perbelanjaan individu pelancong ke Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor,
- 2) mengkaji pengaruh faktor kos perjalanan, ekonomi dan sosial terhadap kebarangkalian lawatan individu ke Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor.

## 1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan-persoalan kajian yang terhasil daripada kajian ini ialah:

- 1) Berapakah jumlah nilai ekonomi (TEV) bagi lokasi pelancongan pinggir pantai Teluk Nipah berdasarkan kepada kos perbelanjaan (perjalanan dan perbelanjaan di lokasi) individu pelancong?
- 2) Adakah faktor kos perjalanan, ekonomi, sosial mempengaruhi kebarangkalian jumlah lawatan individu (Vij) ke lokasi pelancongan pinggir pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat dua (2) hipotesis kajian yang dibina bagi membantu mencapai objektif kajian, iaitu:

## Hipotesis 1

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan kunjungan individu pelancong ke kawasan pelancongan pinggir pantai iaitu Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor dalam masa setahun dengan Kos Perjalanan Individu (ITCM).

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan kunjungan individu pelancong ke kawasan pelancongan pinggir pantai iaitu Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor dalam masa setahun dengan Kos Perjalanan Individu (ITCM).

## Hipotesis 2

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebarangkalian kunjungan individu pelancong ke kawasan pelancongan pinggir pantai iaitu Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor dengan faktor kos, sosial dan ekonomi.

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara kebarangkalian kunjungan individu pelancong ke kawasan pelancongan pinggir pantai iaitu Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor dengan faktor kos, sosial dan ekonomi.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam menentukan nilai ekonomi sesebuah kawasan pelancongan yang mana dalam kajian ini memfokuskan kepada pelancongan pinggir pantai. Melalui data kos perjalanan individu yang berkunjung ke pusat-pusat pelancongan



pinggir pantai menjadikan nilai ekonomi kawasan tersebut dapat dihitung berdasarkan kepada data perbelanjaan pelancong individu.

Sehubungan dengan itu juga, nilai ekonomi yang diperoleh daripada pusat pelancongan pinggir pantai tersebut dapat dijadikan panduan kepada proses membuat polisi berkaitan dengan pelancongan pinggir pantai. Pulau Pangkor merupakan kayu ukur kepada penilaian ekonomi bagi kawasan yang bersifat barang bukan pasaran dan boleh dijadikan panduan untuk mengaplikasikan model yang terhasil di kawasan pantai atau pulau di Malaysia. Pulau Pangkor juga sesuai dijadikan sebagai lokasi untuk mempromosikan tempat pelancongan yang berteraskan kepada pelancongan pinggir pantai yang signifikan pada masa akan datang. Hal ini kerana Pulau Pangkor merupakan pulau yang diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, tidak termasuk barang-barang seperti minuman keras, rokok dan kenderaan bermotor (Belanjawan Malaysia 2018).

Melalui maklumat yang diperoleh berdasarkan kepada data kos perjalanan individu, maka pembuat polisi dan pembuat keputusan dalam sektor pelancongan dapat menambahbaik sektor pelancongan di negara kita. Berdasarkan kepada maklumat berkaitan data kos perjalanan yang ditanggung juga dapat menghasilkan Model TCM khususnya di negara Malaysia. Penilaian ekonomi terhadap pelancongan pinggir pantai juga dapat memberi kesan kepada negara, ekonomi, dan masyarakat. Ini kerana pendedahan tentang kawasan-kawasan pelancongan kepada masyarakat setempat membantu meningkatkan ekonomi negara sekiranya kadar lawatan adalah tinggi.



## 1.8 Definisi Operasional

Subtopik bahagian ini menerangkan tentang definisi operasional yang digunakan dalam kajian penyelidikan secara lebih mendalam dan terperinci. Definisi operasional bermaksud penerangan berkaitan pembolehubah yang digunakan dalam kajian penyelidikan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian yang telah ditetapkan. Terdapat beberapa pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini seperti pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Selain itu, pembolehubah sosio-ekonomi juga turut digunakan dalam kajian ini.

Pembolehubah bersandar iaitu kekerapan kunjungan individu dalam masa setahun ke Pulau Pangkor digunakan dalam kajian ini. Kekerapan kunjungan individu digunakan bagi mengukur jumlah kekerapan yang dilakukan oleh individu pelancong dalam masa setahun ke Pulau Pangkor. Penggunaan skala bagi kekerapan adalah seperti sekali setahun, dua (2) kali setahun, tiga (3) kali setahun, empat (4) kali setahun dan lebih daripada empat (4) kali setahun. Berdasarkan kepada pengukuran kekerapan kunjungan individu pelancong dapat menggambarkan *trend* kedatangan pelancong ke Pulau Pangkor dalam masa setahun.

Seterusnya, pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini yang digunakan ialah kos perjalanan. Kos perjalanan merangkumi kos-kos seperti kos jarak, tol, petrol, bayaran kemasukan, makanan, penginapan, cenderamata, telefon, internet, perbelanjaan rekreasi dan kos-kos lain. Pengiraan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuasa dua terkecil/*Ordinary Least Square* (OLS). Kos jarak digunakan dalam kajian bagi menghitung jumlah kos jarak yang ditanggung oleh individu



pelancong dari destinasi kediaman hingga ke jeti Lumut. Pengiraan kos jarak adalah berdasarkan jumlah jarak (kilometer) didarabkan dengan nilai Ringgit Malaysia (RM). Pengiraan nilai RM bagi jarak sejauh 500 kilometer pertama adalah sebanyak RM 0.70. Manakala nilai RM yang dihitung bagi jarak 500 kilometer kedua adalah sebanyak RM 0.65. Sehubungan dengan itu, bagi jarak 500 kilometer ketiga dan keempat masing-masing dihitung dengan nilai RM sebanyak RM 0.60 dan RM 0.55.

Selain itu, kos tol juga merupakan kos yang termasuk dalam kos perjalanan individu pelancong. Kos tol dihitung berdasarkan kepada destinasi kediaman pelancong sehingga menuju ke destinasi pelancongan iaitu jeti Lumut. Sekiranya destinasi kediaman pelancong adalah panjang dan lama jumlah kos tol adalah tinggi dan sebaliknya. Namun, sekiranya destinasi kediaman pelancong tidak mempunyai kos tol, maka kos tol bagi individu pelancong yang berkunjung adalah sifar. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada pelancong yang menggunakan jalan biasa dari tempat kediaman hingga ke jeti Lumut.

Seterusnya, kos bahan api atau petrol merupakan antara kos yang termasuk dalam kos perjalanan. Kos bahan api dihitung berdasarkan kepada jumlah petrol yang diisi oleh pelancong sebelum memulakan perjalanan ke destinasi yang dituju iaitu jeti Lumut. Sekiranya perjalanan yang dilakukan adalah panjang dan lama, maka pemandu atau pelancong akan mengisi petrol hingga penuh dan sebaliknya. Jumlah kos petrol yang ditanggung oleh pelancong akan bertambah sekiranya jarak bertambah dan sebaliknya.





Selain itu, kos bayaran kemasukan juga termasuk dalam kos perjalanan individu. Dalam konteks kajian ini, kos bayaran kemasukan adalah kos tiket feri. Setelah pelancong sampai ke jeti Lumut, pelancong perlu membeli tiket feri untuk sampai ke jeti Pulau Pangkor. Bagi perjalanan dari jeti Lumut ke jeti Pulau Pangkor untuk perjalanan satu hala adalah sebanyak RM 7.00 seorang. Perjalanan dua hala yang dilakukan pula adalah sebanyak RM 14.00 seorang.

Seterusnya, kos makanan juga termasuk dalam kos perjalanan. Kos makanan merupakan kos makanan dan minuman pelancong bagi sepanjang perjalanan ke destinasi pelancongan, semasa berada di Pulau Pangkor dan kos sepanjang perjalanan balik ke tempat kediaman. Sekiranya pelancong bermalam melebihi daripada satu (1) malam di Pulau Pangkor, maka jumlah kos makanan juga akan turut meningkat.

Selain itu, kos penginapan juga merupakan kos yang termasuk dalam kos perjalanan. Kos penginapan yang ditanggung oleh pelancong bergantung kepada harga yang ditawarkan oleh tempat penginapan. Sebagai contoh di Pulau Pangkor terdapat perkhidmatan penginapan seperti hotel, chalet dan *homestay*. Sekiranya pelancong menginap di Pulau Pangkor melebihi satu (1) malam kos penginapan juga turut bertambah. Hal ini kerana harga yang ditawarkan oleh pihak yang menguruskan perkhidmatan tersebut adalah berbeza-beza.

Selain itu, kos cenderamata juga merupakan kos yang termasuk dalam kos perjalanan. Kos cenderamata merujuk kepada kos pembelian hadiah atau ole-ole kepada kawan, saudara atau ahli keluarga yang tidak dapat menyertai percutian ke Pulau Pangkor. Antara barang cenderamata yang selalu dibeli oleh pelancong adalah seperti *t-shirt*, *magnetic fridge*, makanan berasaskan hidupan laut (sotong kering, ikan





bilis) dan *keychain*. Cenderamata merupakan kos yang paling penting dalam sesuatu aktiviti pelancongan yang dilakukan oleh pelancong kerana mempunyai *sentimental value* yang berbeza dengan destinasi pelancongan lain yang dilawati.

Seterusnya, kos telefon dan kos internet juga merupakan kos yang termasuk dalam kos perjalanan. Kedua-dua kos ini adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini kerana, kos telefon merujuk kepada tambah nilai akaun telefon oleh pelancong untuk menghubungi ahli keluarga sekiranya telah sampai ke destinasi percutian. Manakala kos internet pula merupakan kos yang digunakan oleh pelancong untuk *surfing*, *update* aktiviti yang dilakukan semasa melancong ke dalam akaun media sosial seperti *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* dan *Whatsapp*.



Selain itu, kos perbelanjaan rekreasi juga termasuk dalam kos perjalanan. Hal ini kerana, pelancongan pinggir pantai menyediakan perkhidmatan aktiviti rekreasi seperti *snorkeling*, *jet ski*, menaiki bot mengelilingi pulau, *banana boat* dan banyak lagi. Tawaran harga yang dikenakan oleh pengusaha kepada pelancong adalah berpatutan dengan servis yang ditawarkan. Seterusnya kos-kos lain juga termasuk dalam kos perjalanan. Hal ini kerana, pelancong menanggung kos-kos lain selain daripada kos yang dinyatakan seperti di atas. Kos-kos lain yang ditanggung oleh pelancong adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, secara keseluruhan pembolehubah kos perjalanan digunakan bagi mengukur sama ada berlaku perubahan dalam kekerapan kunjungan individu pelancong dalam masa setahun.





Manakala, pembolehubah sosio-ekonomi pula merupakan pembolehubah yang digunakan untuk mengukur kebarangkalian lawatan ulangan yang dilakukan oleh pelancong pada masa akan datang. Antara pembolehubah yang digunakan ialah seperti pendapatan, umur dan taraf pendidikan pelancong. Kaedah pengiraan atau *run data* bagi kajian ini menggunakan Model Logit. Sekiranya pendapatan pelancong bertambah, kebarangkalian lawatan ulangan akan berlaku dan sebaliknya. Ini juga dapat membantu meningkatkan ekonomi kawasan pelancongan di Pulau Pangkor. Pembolehubah umur juga dapat mempengaruhi kebarangkalian lawatan individu disebabkan oleh faktor umur muda dan umur tua dalam kalangan pelancong yang mengunjungi Pulau Pangkor. Begitu juga dengan taraf pendidikan pelancong kerana terdapat beberapa tahap pendidikan yang berbeza antara satu sama lain. Skala pendidikan yang digunakan seperti taraf pendidikan pada peringkat rendah ke peringkat yang tertinggi. Antaranya ialah penilaian Darjah 5/Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Diploma, Ijazah, Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Kepelbagaian tahap pendidikan pelancong dapat menggambarkan kebolehpayaan pelancong untuk melakukan lawatan ulangan ke kawasan pelancongan pinggir pantai di Pantai Teluk Nipah. Sehubungan dengan itu, taraf pendidikan pelancong menjadikan daya beli antara pelancong dengan pelancong yang lain adalah berbeza-beza. Sebagai contoh, daya beli bagi pelancong yang mempunyai taraf pendidikan yang tertinggi seperti Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD adalah lebih tinggi berbanding dengan taraf pendidikan yang lebih rendah.





Kesimpulannya, definisi operasional dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan terperinci kepada penyelidik tentang kajian yang dilakukan. Sehubungan dengan itu, definisi operasional juga membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat demografi di samping dengan maklumat-maklumat yang diperlukan berdasarkan kepada penggunaan pembolehubah-pembolehubah kajian.

## 1.9 Organisasi Penulisan Tesis

Secara keseluruhannya, tesis ini mengandungi lima bab iaitu bab 1 yang membincangkan tentang pengenalan manakala bab 2 pula membincangkan sorotan kajian literatur yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Bab 3 pula membincangkan metodologi dan kawasan kajian. Manakala bab 4 dan bab 5 membincangkan hasil kajian dan rumusan terhadap kajian yang dilakukan. Secara umumnya, Bab 1 merupakan bab yang membincangkan mengenai pengenalan sub-sub topik bagi memberi gambaran awal kepada pembaca. Oleh yang demikian, antara topik yang dibincangkan seperti pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori dan kerangka konseptual dan kepentingan kajian.

Manakala, Bab 2 pula membincangkan sorotan kajian literatur yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik lepas. Kajian literatur diambil daripada penyelidik sama ada kajian daripada luar atau dalam negara. Kajian literatur juga membincangkan tentang definisi konsep, pembolehubah kos perjalanan, pembolehubah sosio-ekonomi, jurang dan masalah dalam aplikasi Kaedah Kos





Perjalanan serta aplikasi TCM dalam pelancongan berasaskan sumber semulajadi seperti pantai.

Bab 3 merupakan bab yang membincangkan metodologi dan kawasan kajian. Hal ini kerana metod kajian merupakan satu perkara penting dalam melakukan kajian penyelidikan. Sebagai contoh dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan ialah dengan mengedarkan borang kaji selidik kepada responden iaitu pelancong yang berada di lokasi pelancongan pinggir pantai. Selain itu, di dalam bab ini juga data sekunder digunakan bagi membantu kajian berjalan dengan lancar.

Seterusnya, Bab 4 membincangkan hasil analisis kajian. Hasil analisis yang dibincangkan adalah seperti profil pelancong, ciri-ciri perjalanan pelancong, faktor yang mempengaruhi kedatangan pelancong ke Pulau Pangkor, mengira kos perjalanan yang ditanggung oleh pelancong ketika berkunjung ke Pulau Pangkor, kos perbelanjaan semasa berada di Pulau Pangkor, kos pulang dari Pulau Pangkor dan analisis regresi berdasarkan model TCM. Analisis regresi dilakukan bagi mengkaji hubungan kos perjalanan dan pembolehubah sosio-ekonomi yang mempengaruhi dalam kos perjalanan individu. Manakala bab 5 pula membincangkan rumusan bagi keseluruhan kajian yang dilakukan. Sehubungan dengan itu, cadangan penyelidikan lanjutan juga dinyatakan bagi meningkatkan kemantapan penyelidikan sekiranya kajian seperti ini dijalankan oleh penyelidik lain pada masa akan datang.

